

SY

ECONEWS

PM SERU PELABUR TEMPATAN TEROKAI PASARAN ASEAN

GURUN (KEDAH), 20 Feb (Bernama) -- Para pelabur tempatan harus mengambil peluang menerokai pasaran ASEAN yang kini pesat berkembang, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Mereka juga perlu membangunkan keupayaan penyelidikan dan pembangunan sendiri dan tidak hanya bergantung kepada teknologi yang diimport, katanya ketika merasmikan kilang Perwaja Steel Sdn Bhd di sini.

Kilang bernilai RM400 juta dengan teknologi termoden di Malaysia itu mengeluarkan dua barangan asas, iaitu +steel wire rods+ dan +steel round bars+, dengan keupayaan pengeluaran 450,000 tonne setahun.

Dr Mahathir berkata, aspirasi negara-negara rantau ini dalam memajukan ekonomi mereka akan meningkatkan permintaan untuk keluli dan barangan keluli.

Beliau berkata, kilang Perwaja di sini dijangka dapat mengukuhkan rangkaian industri sesama sendiri di samping mengukuhkan lagi keupayaan eksport Malaysia.

Dr Mahathir berkata, kilang-kilang keluli mempunyai peranan membantu pembangunan industri-industri kejuruteraan dan industri sokongan.

Eksport barangan besi dan keluli Malaysia meningkat kepada RM1,060 juta pada tahun 1991 dari RM250 juta pada 1981.

Pengeluaran besi dan barangan keluli Malaysia pula meningkat kepada 3.4 juta tonne pada tahun 1991 daripada 1.6 juta tonne pada 1987.

Beliau berkata, penggunaan keluli per kapita Malaysia telah meningkat kepada 220 kg pada tahun 1992 dari hanya 41 kg pada 1971.

+Malaysia kini digolongkan sebagai pengguna keluli di tahap sederhana,+ tambahannya.

Semenjak beberapa tahun lalu, industri besi dan keluli negara tertumpu hanya kepada pengeluaran barangan seperti billets, bars dan rods bagi tujuann pembinaan.

Dr Mahathir berkata, kilang Perwaja di sini, yang menceburi pembuatan barangan hiliran lebih canggih, akan dapat mengeluarkan barangan nilai ditambah yang lebih tinggi.

Kilang Besi Perwaja di Kemaman, Terengganu, yang menggandakan pengeluarannya kepada 1.2 juta tonne tahun ini daripada 600,000 tonne sebelumnya, akan menjadi sumber tetap bahan mentah kepada kilang di Gurun.

Katanya, pengeluar keluli tempatan tidak perlu bimbang kehilangan pasaran mereka kerana kilang di Gurun ini mengeluarkan steel wire rods dan bars bermutu dan bergred tinggi yang tidak dikeluarkan oleh mana-mana pihak pada masa ini.

Katanya, pengeluaran kilang di sini bukan untuk tujuan pembinaan tetapi sebagai bahan mentah bagi memproses lagi barangan hiliran seperti spring, ball-bearings dan hydraulic couplings.

Dr Mahathir berkata kilang ini dapat membantu menjimatkan tukaran asing negara kerana dianggarkan sebanyak 200,000 tonne keluli bermutu tinggi ini diimport setiap tahun.

Beliau berharap penubuhan kilang di Gurun itu akan menggalakkan lagi penceburan pelabur dalam pemerosesan hiliran barangan besi dan keluli. -- Bernama